

PENGGUNAAN MEDIA, NORMA KEWARGANEGARAAN DAN PARTISIPASI POLITIK DALAM ERA TRANSISI KE DEMOKRASI DI INDONESIA

NAJMUDDIN MOHAMMAD RASUL
UNIVERSITAS ANDALAS, PADANG, INDONESIA

SAMSUDIN A. RAHIM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan dengan partisipasi politik. Fokus kajian ini adalah untuk meninjau perubahan norma kewarganegaraan dalam konteks perkembangan teknologi komunikasi dan sejauhmana pula ia mempengaruhi partisipasi politik dalam konteks Indonesia menuju ke arah transisi demokrasi. Kerangka teori utama yang digunakan adalah media dan partisipasi politik. Kajian ini menggunakan kaedah survei dengan menemubual 384 responden dalam kalangan generasi muda antara usia 17 hingga 40 tahun yang menetap di Kota Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan jantina, umur dan latarbelakang pendidikan responden tidak berpengaruh secara signifikan kepada penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan. Hasil ujian hipotesis yang telah dilakukan menunjukkan bahawa latarbelakang pendidikan tidak menjadi factor pembeza kepada penggunaan media, namun menjadi faktor pembeza untuk perubahan norma kewarganegaraan. Seterusnya, ujian analisis hubungan menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan media mempunyai hubungan yang signifikan dengan perubahan norma kewarganegaraan manakala norma kewarganegaraan mempunyai hubungan yang signifikan pula

dengan partisipasi politik generasi muda. Kemudian, ujian analisis regresi mendapati bahawa penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan secara bersama-sama memberikan sumbangan yang signifikan kepada partisipasi politik. Manakala sub dimensi perubahan norma kewarganegaraan (pematuhan, tanggungjawab, dan keterlibatan kewarganegaraan) memberikan sumbangan yang signifikan kepada sub dimensi partisipasi politik (partisipasi politik tradisional, partisipasi politik moden, dan partisipasi politik sivik). Berdasarkan dapatan kajian dan hasil ujian hipotesis dapat disimpulkan bahawa euforia politik dalam era transisi ke demokrasi telah merubah pola penggunaan media, norma kewarganegaraan, dan partisipasi politik dalam kalangan generasi muda Indonesia.

Kata kunci: *Media, norma kewarganegaraan, partisipasi politik, pemilihan umum indonesia, transisi ke demokrasi*

MEDIA USAGE, KEWARGANEGARAAN NORMS, AND POLITICAL PARTICIPATION OF TRANSITION TO DEMOCRACY IN INDONESIA

Abstract

The purpose of this study is to determine whether media usage and the change of kewarganegaraan norms influence political participation. The focus of this study is to examine kewarganegaraan norms in the context of the development of information and communication technology and how it will impact political participation in the context of Indonesia's transition to democracy. The main theoretical framework is media and political participation. For data gathering, 384 young voters between the ages of 17 to 40 years were interviewed in Padang, West Sumatra, Indonesia. The results of this study reveal that gender, age and educational background of the respondents did not significantly influence media usage and kewarganegaraan norms. The results also shows that educational background is not a factor that distinguishes media usage but it becomes a differentiating factor in kewarganegaraan norms. The results further show that the media usage has a significant correlation with kewarganegaraan norms and kewarganegaraan norms has a significant relationship with political participation. In addition, media usage and kewarganegaraan norms show a significant impact on political participation. The sub-dimensions

of kewarganegaraan norms (compliance, duty, and engaged warga) provides a significant contribution to the sub-dimensions of political participation (traditional political participation, modern political participation, civic political participation). Based on the findings it can be concluded that the political euphoria in the transition era towards democracy has changed the pattern media usage and kewarganegaraan norms among the young generation.

Keywords: *Media, kewarganegaraan norms, political participation, Indonesian general election, the transition to democracy*

PENGENALAN

Abad ke 20 disebut sebagai abad demokrasi, sebab pada penghujung abad ke 20 ini berlaku perubahan peta politik dan komunikasi politik dunia. Perubahan peta politik itu disebut sebagai gelombang ketiga demokrasi (Huntington 1991). Gelombang ketiga demokrasi ini bermula pada pertengahan tahun 1970-an di Portugal dan kemudiannya berkembang di pelbagai bahagian dunia dari Eropah Selatan, Eropah Timur, Amerika Latin, Afrika dan Asia termasuk rantau Asia Tenggara. Keruntuhan sistem politik dari tidak demokratik kepada sistem politik demokratik disebut Fukuyama (1992) sebagai berakhirnya sejarah atau *the end of history*. Gelombang ketiga demokrasi itu, melahirkan transisi ke demokrasi, iaitu perubahan dari rezim diktator kepada sistem demokrasi (Doorenspleet 2006).

Perubahan peta politik di atas turut mempengaruhi minda generasi muda Indonesia. Pada tanggal 20 Mei 1998, generasi muda dan masyarakat sivil Indonesia melakukan gerakan reformasi berjaya menjatuhkan Presiden Soeharto dan merubah peta dan komunikasi politik Indonesia. Gerakan reformasi merubah pola penggunaan media, norma kewarganegaraan dan pola partisipasi politik dalam kalangan generasi muda Indonesia.

Sejalan dengan gelombang ketiga demokrasi, dunia komunikasi politik juga memasuki gelombang ketiga komunikasi politik (Vacari 2008). Perubahan komunikasi politik ini disokong dengan kemajuan sains teknologi informasi dan komunikasi (ICT) dan globalisasi yang melanda seluruh kawasan dunia. Kemajuan sains teknologi komunikasi dan informasi dan globalisasi mendorong lahirnya gelombang ketiga komunikasi politik (Theocharis, 2011). Masyarakat yang selama ini menggunakan media tradisional (surat khabar dan televisyen) sebagai sumber informasi politik berubah dan berkembang menjadi masyarakat yang *technoculture*, iaitu masyarakat yang berbudaya teknologi. Masyarakat *technoculture* menjadikan media digital (internet) sebagai gaya hidup. Perubahan-perubahan tersebut tidak dapat dilepaskan dari pengaruh internet dan media digital pada umumnya yang berkembang sangat pesat pada akhir abad ke 20 ini (Dean, 2012).

Gelombang ketiga komunikasi mempengaruhi gaya hidup generasi muda. Media menyokong generasi muda mendapatkan informasi dan pengetahuan yang diperlukan dengan cepat, sehingga mereka menjadi masyarakat yang memiliki dan memahami informasi lebih banyak (*well informed*), lalu mereka membuat jaringan sesama komuniti atau masyarakat berjejaring (*networking societies*). Oleh itu, generasi muda sekarang dikenal sebagai generasi siber atau generasi digital.

Dalam era transisi ke demokrasi ini, isu media, norma kewarganegaraan dan partisipasi politik menjadi isu utama dalam kalangan pakar dan pemerhati komunikasi politik (Dalton 2008). Oleh itu, ketiga tiga isu tersebut menjadi magnitude bagi ramai pakar untuk melakukan penyelidikan dan perbincangan di peringkat antarabangsa. Media sebagai tunjang keempat bukan hanya sebagai sarana komunikasi tetapi memiliki peranan penting dalam proses demokrasi (Voltmer 2006). Sedangkan kewarganegaraan adalah isu strategik dalam proses demokratisasi dan memiliki hubungkait yang sangat erat dengan partisipasi politik. Kemajuan sains teknologi komunikasi dan informasi ini telah mempengaruhi kepemilikan dan pola penggunaan media iaitu dari media tradisional (surat kabar dan televisyen) kepada media baru yang berasaskan internet.

Sebenarnya, dalam politik, internet telah memainkan peranannya dengan memudahkan warga muda untuk aktif menyuarakan pendapat dan pandangan mereka yang berbeza. Malah Internet dipercayai oleh warga muda sebagai sumber informasi yang dipercayai, kerana internet dapat menyampaikan informasi dengan cepat dan tepat. Oleh itu, banyak generasi muda membuat blog peribadi, e-mel, *Facebook*, *Twitter* sebagai sarana partisipasi politik dan menggunakan aplikasi mesin pencari seperti google untuk mencari dan mengumpulkan informasi termasuk informasi politik. Dewasa ini, generasi muda aktif melayari internet untuk mencari pelbagai keperluan seperti keperluan politik dan perniagaan serta peluang pekerjaan. Internet bukan hanya media hiburan tetapi telah menjadi sarana komunikasi dan informasi politik (Hindman, 2009). Oleh itu, media internet telah menjadi lapangan kajian komunikasi politik dalam abad moden ini (Bakker dan Vreese, 2011; McNair 2011; Quintelier&Visser, 2008; Scheufele&Nisbet, 2002; Shah, McLeod &Yoon, 2001, Tolbert dan McNeal, 2003).

Fenomena di atas, menunjukkan bahawa landskap komunikasi politik semakin bergolak, berpecah, lebih personal, desentralisasi, lebih profesional, warga menjadi lebih menampakan sikap sinis terhadap politik, dan tidak mahu menjadi ahli parti politik. Pelbagai perubahan sikap generasi muda dalam abad moden ini sangat dipengaruhi oleh media, utamanya media internet (Blumler dan Kavanagh dalam Vaccari, 2008). Media massa (surat kabar, radio, televisyen) dan media baru (internet) mempengaruhi institusi-institusi demokrasi dan terlibat dalam proses demokrasi (Voltmer, 2006). Perubahan peta politik tersebut semakin memperkokoh posisi media sebagai pilar ke empat (*fourth estate*)

setelah lembaga-lembaga eksekutif, legislative dan kehakiman (Curran, 1991). Bahkan dalam proses transisi ke demokrasi, media dapat mengisi kekurangan dan menguatkan proses demokrasi (Curran dan Park, 2000; Downing, 1996; Palezt et al. 1995; Splichal 1994).

Aktiviti politik maya dengan menggunakan Internet, membuat komuniti cenderung tertarik dengan isu-isu spesifik dan ide politik yang dapat membangkitkan kesadaran politik warga. Media internet dapat melakukan transformasi informasi besar dan mempercepat perubahan proses komunikasi politik (Farrell dan Webb 2000; Norris 2000). Internet dan media sosial lainnya seperti *Facebook*, *Twitter*, e-mel dan lain-lain dimanfaatkan warga muda sebagai forum diskusi dan debat politik, memberi pendapat dan berkongsi informasi. Walaupun diakui tidak semua orang dapat akses kepada internet, kerana masalah ekonomi, tingkat pendidikan, tempat tinggal dan sebagainya (Sylvester dan McGlynn 2010).

Bimber, Flanagan dan Stohl (2005), mengatakan bahawa teknologi komunikasi dan media baru berfungsi sebagai penghubung antara domain swasta dan publik. Media yang berasaskan teknologi baru dapat membantu mengekspresikan diri dan memperoleh informasi jauh lebih mudah dari masa sebelumnya dan dapat menjadi instrument dari dimensi partisipasi politik. Mengikut Dahlgren (2005), politik bukan hanya sebuah instrumen aktiviti untuk meraih tujuan, tetapi politik sebuah aktiviti yang bersifat ekspresif, sebuah cara yang jelas dalam ruang awam.

Namun kemajuan sains dan teknologi maklumat ini melahirkan kesenjangan antara generasi muda dengan elit politik. Pada satu sisi, generasi muda sudah faham menggunakan dan menafaatkan teknologi, pada sisi lain ramai elit politik yang kurang faham teknologi, sehingga mereka tidak dapat memanfaatkan media ini untuk berkomunikasi dengan warga. Padahal internet dapat membantu elit politik untuk membangun komunikasi politik dengan konstituen, membangun citra politik dengan mudah dan kos murah (Craig, 2012; Dionne, 1991; Hibbing dan Theis-Morse, 2002; Wattenberg 2002).

Selanjutnya, kemajuan sains teknologi komunikasi dan informasi dan globalisasi semakin berkesan kepada minda generasi muda. Globalisasi ditandai dengan adanya integrasi politik dunia, ekonomi dan struktur yang saling berkaitan dan bergantung. Dunia bagaikan sebuah desa dunia (*global village*) yang sudah terhubung melalui media internet (Luhan, 2010). Aktor politik dalam era global ini menurut Lilleker (2006) mesti berfikir dan berperilaku yang bernuansa global, namun tetap bertindak lokal (*think globally act locally*). Gaya hidup warga dunia merupakan ciri utama globalisasi. Negara-negara hanya dibatasi oleh batas teritorial sahaja. Budaya dan peradaban sebuah bangsa terkontaminasi oleh perubahan.

Perubahan peta politik dan komunikasi politik turut mempengaruhi norma kewarganegaraan dalam kalangan generasi muda. Norma kewarganegaraan sebagai satu set hak dan kewajiban seseorang dalam kehidupan berbangsa dan bernegara dan telah dibincangkan semenjak Aristotle dan Plato turut mengalami

perubahan. Dalam sesebuah negara demokrasi masalah kewarganegaraan menjadi isu penting, kerana ianya memiliki peranan penting dalam proses pendemokrasian. Warga negara (warga) bukan hanya sekadar penonton, bukan pula rakyat, tetapi warga negara memiliki rasa tanggungjawab terhadap proses demokrasi dengan cara ikut mengundi, taat membayar pajak dan berpartisipasi dalam parti politik, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap demokrasi, membangun karakter bangsa serta melaporkan setiap adanya pelanggaran hukum (Dalton 2008). Warga negara memiliki hak dan tanggungjawab dan dijamin oleh perlembagaan negara. Pandangan tersebut sejalan dengan konsep warga yang dikemukakan oleh Marshal (1950) iaitu; hak-hak civil, politik dan sosial warga negara. Sedangkan Zamudio (2004), mengemukakan tiga dimensi kewarganegaraan, iaitu; status sebagai warga negara, memiliki rasa kebersamaan dan kesedaran yang tinggi (*exercise dan conscience*).

Manakala Dalton (2008) melihat perubahan norma kewarganegaraan dari sub dimensi iaitu norma tanggungjawab yang berorientasi pada nilai-nilai tradisional seperti pemungutan suara, taat dan mematuhi undang-undang, dan menjaga hubungan baik dengan orang lain, memiliki rasa tanggungjawab, dan menghormati etika dan moral berubah kepada nilai baru atau norma keterlibatan kewarganegaraan yang bersifat langsung, lebih berorientasi pada nilai-nilai keterbukaan seperti memberi pendapat di media, melakukan protes terhadap polisi pemerintah dan sebagainya. Perubahan norma ini berimpak kepada sikap dan perilaku politik generasi muda.

Umumnya aktiviti norma keterlibatan kewarganegaraan mengikut Theocharis (2011) lebih bersifat *extra-institutional* dan berorientasikan sivik. Perubahan pola aktiviti ini menurut Franklin (2004); Dalton dan Wattenberg (2000); Putnam, (2000); Lawson dan Merkle, (1998) dapat mengurangkan minat warga untuk ikut mengundi dalam pilihan raya, penurunan minat menjadi ahli parti politik, bahkan berlaku penurunan kepercayaan modal sosial. Dalam norma keterlibatan kewarganegaraan ini, aktiviti warga sama dengan aktiviti warganegara dalam era pasca-materialisma (Inglehart dan Welzel, 2005) iaitu aktiviti langsung yang mencakupi nilai-nilai kuasa diri. Perubahan pola dan aksi politik dalam era transisi ke demokrasi ini menurut Jacobsen dan Linkow (2012) dan Dalton (2008), berhubungkait dengan semakin tinggi tingkat pendidikan warga dan semakin membaiknya ekonomi warga.

Disamping dua sub dimensi di atas, penyelidik menambahkan satu sub dimensi yang berhubungkait dengan fenomena dan dilema dalam proses demokrasi iaitu norma pematuhan. Dilema demokrasi tersebut disebut Mann (2004) sebagai sisi gelap demokrasi (*the side dark of democracy*). Sedangkan Zmerli (2009) menyebutnya dengan sisi gelap daripada modal sosial. Sisi gelap demokrasi tersebut dapat melahirkan sebuah dilema dalam proses pendemokrasian. Bahkan menurut Lilleker (2006) kondisi tersebut dapat memunculkan sikap sinis warga terhadap pemerintah, ketidakpercayaan, dan ketidakpercayaan serta skeptisme warga terhadap elit (*Cynicism relates to disbelief, mistrust and scepticism*).

Dimensi ini disebut dengan norma pematuhan kewarganegaraan. Sub dimensi ini berhubungkait dengan faktor luaran seperti adanya intimidasi, tekanan, politik wang dan keterlibatan keluarga dalam pilihan raya. Ketiga sub dimensi ini saling terkait dan memberikan kontribusi positif kepada proses pendemokrasian.

Perubahan norma dalam kalangan generasi muda tersebut berimpak kepada sikap dan pola partisipasi politik, iaitu dari partisipasi politik tradisional kepada partisipasi politik moden dan politik sivik yang berorientasi kepada keterlibatan dalam aksi-aksi yang dilakukan oleh masyarakat sivil dalam organisasi. (Blumler dan Kavanagh, 1999; Farrell dan Webb, 2000; Norris, 2000). Partisipasi dalam demokrasi adalah sesuatu yang penting, kerana ianya sangat mempengaruhi kualiti sesebuah negara demokrasi. Verba dan Nie, (1972) menyebut partisipasi politik sebagai *cornerstone* dan jantung demokrasi. Pendapat tersebut disokong oleh Helander (2012), bahawa partisipasi politik adalah prasyarat utama dalam sebuah negara demokrasi. Begitu pentingnya partisipasi dalam negara demokrasi, Sylvester dan McGlynn, (2010) mengatakan demokrasi tidak akan memiliki makna apa-apa dan legitimasi tanpa adanya partisipasi warga dalam proses demokrasi. Partisipasi warga memiliki hubungan erat dengan budaya dan norma satu bangsa. Hal ini dikukuhkan oleh pandangan Almond dan Verba, (1963); Barnes et al. (1979); Verba dan Nie, (1972), bahawa partisipasi warga dalam demokrasi berhubungkait dengan budaya politik suatu bangsa. Oleh itu, budaya politik dapat mendorong warga untuk berpartisipasi, misalnya warga Amerika aktif terlibat dalam perkumpulan sukarela, terlibat dalam diskusi politik dan masalah-masalah politik lainnya.

Permasalahan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana hubungan antara penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan dengan partisipasi politik pemilih muda dalam era transisi ke demokrasi di Indonesia. Manakala fokus utama kajian untuk meninjau perubahan norma kewarganegaraan dalam konteks perkembangan teknologi komunikasi dan sejauhmana pula ia mempengaruhi partisipasi politik dalam konteks Indonesia menuju ke arah transisi demokrasi.

PENGGUNAAN MEDIA, NORMA KEWARGANEGARAAN, DAN PARTISIPASI POLITIK

Media sebagai salah satu aktor dalam komunikasi politik mempunyai peranan penting dan strategik dalam proses pendemokrasian. Kerana media boleh menjadi penghubung antara aktor-aktor lainnya seperti, pemerintah, elit politik, dan warganegara. Dimensi Media ini terdiri daripada tiga sub dimensi, iaitu; kepemilikan media, penggunaan media, dan orientasi media. Cook (1998) mengatakan media bukan hanya saluran penghubung antara elit politik dengan warga, tetapi media merupakan aktor yang aktif dalam merancang mesej politik. Yang jauh lebih penting dari itu ialah, bagaimana media menyampaikan informasi politik sehingga ia mempunyai kesan kepada warga. Voltmer (2008) menyebutkan bahawa media bukan hanya sebagai saluran penyampaian mesej

elit kepada warga, tetapi warga aktif juga dalam melakukan komunikasi politik. Media adalah saluran yang menghubungkan antara kata dengan dunia (words to world) begitu kata McNair (2011).

Media massa seperti surat khabar, radio dan televisyen merupakan sebahagian dari fikiran manusia. Ertinya, media sebagai sebuah fikiran manusia yang diciptakan untuk memaksa manusia lain untuk dikuasi oleh media. Manakala media baharu (Internet) berhubungkait dengan interaksi sosial dan integriti sosial (McQuail 2000; McLuhan 2011).

Media diakui mempunyai peranan strategik dan penting dalam proses demokrasi. Bahkan media menjadi tunjang ke empat dalam sesebuah negara demokrasi (Votmer 2008). Mengikut pandangan Tabroni (2012), ada lima fungsi media dalam proses demokrasi; pertama, media mesti memberikan informasi kepada warga tentang apa yang wujud di sekitarnya. Kedua, media mesti melakukan pendidikan kepada warga melalui pemberitaan yang objektif. Ketiga, media mesti memberi ruang kepada warga untuk melakukan diskusi dan perbincangan. Ke empat, media melakukan pemantauan terhadap pelaksanaan pemerintahan, dan ke lima, media harus berperanan sebagai institusi rujukan dalam pilihan raya umum.

Walapun kemajuan sains teknologi komunikasi sudah melahirkan media baharu (internet), namun peranan berita media tradisional, seperti surat kabar, radio dan televisyen mempunyai hubungan positif dengan civic dan keterlibatan warga dalam politik. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Eveland dan Scheufele (2000) penggunaan media lama mempunyai korelasi positif dan signifikan dengan partisipasi politik dan pengundian. Sedangkan dalam kajian Weaver dan Drew (2001) menemukan bahawa penggunaan media lama dapat memberikan kesan positif kepada warga. Manakala Jeffres, Lee, Neuendorf dan Atkin (2007) menyebutkan bahwa pengguna media lama berhubung positif dengan aktiviti masyarakat dan modal sosial. Dalam kajian Norris (1996) mendapatkan pula bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media lama dengan partisipasi politik. Namun kajian yang dilakukan oleh Shah, Cho, Eveland, dan Kwak, (2005) menunjukkan corak berbeza, dimana penggunaan media tradisional tidak mempunyai kesan positif kepada partisipasi politik.

Manakala media baharu (internet) mempunyai pelbagai fungsi dalam komunikasi politik (Quintelier & Visser (2008). Pandangan diatas dikukuhkan pandangan Shah et al. (2001), Xenos dan Moy (2007); Bimber, (2003), iaitu terdapat hubungan yang positif antara penggunaan internet dengan tingkat partisipasi warga dalam politik.

Kewarganegaraan adalah sebuah konsep yang selalu mengalami perubahan. Dalton (2008a) mentakrifkan kewarganegaraan sebagai "satu set norma apa yang mesti dibuat individu untuk menjadi warga yang baik". Ini sejalan dengan padangan TH Marshall tentang trilogi kewarganegaraan, iaitu berasaskan hak-hak ekonomi, politik, dan sosial. Mereka menghormati perbezaan yang ada, menjadi ahli masyarakat berdasarkan kesetiaan kepada tamadun yang menjadi

pandangan bersama. Oleh itu, hak sosial termasuk perkhidmatan sosial dengan menyediakan sumber-sumber yang sangat diperlukan bagi pematuhan kepada prinsip demokrasi seperti kesaksamaan politik dan penyertaan. Oleh yang demikian, kewarganegaraan sosial mencerminkan kewajipan etika dan moral terhadap orang lain (Dalton, 2008a).

Dimensi norma kewarganegaraan terdiri daripada tiga sub dimensi, iaitu; norma tanggungjawab kewarganegaraan, norma keterlibatan kewarganegaraan, dan norma pematuhan kewarganegaraan. Namun Hoikkala (2009) mengingatkan bahawa globalisasi telah menjadi sebuah cabaran dalam proses tansisi ke demokrasi. Globalisasi bukan hanya berimpak terhadap perubahan norma sosial, budaya, tetapi juga terhadap nilai-nilai demokratik, seperti hak asasi manusia, kebebasan dan isu-isu alam sekitar.

Norma tanggungjawab kewarganegaraan berhubungkait dengan nilai-nilai tradisional seperti ikut mengundi. Sedangkan norma keterlibatan kewarganegaraan adalah norma alternatif yang berorientasi kepada nilai-nilai baru dan liberal. Sedangkan pematuhan kewarganegaraan adalah factor luaran yang diduga mempunyai hubungan yang signifikan dengan perubahan partisipasi politik generasi muda. Faktor luaran itu seperti intimidasi, pressure, politik wang dan faktor primordialisme. Norma complience ini disebut Mann (2004) sebagai sisi gelap demokrasi (*the dark sidea of democracy*). Berlakunya norma compliance ini dapat mengganggu proses demokrasi. Bahkan menurut Lilleker (2006), faktor compliance ini dapat memunculkan sikap sinis dalam warga, dan sikap sinis warga ini berkorelasi dengan ketidakyakinan, ketidakpercayaan dan skeptisma warga terhadap perilaku elit (*disbelief, mistrust and scepticism*).

Dimensi ketiga dalam kajian ini ialah partisipasi. Partisipasi adalah konsep utama dalam demokrasi. Mengikut Huntington dan Nelson (1991) partisipasi politik adalah kegiatan warga Negara yang bertindak sebagai pribadi-pribadi, yang dimaksud untuk mempengaruhi pembuatan keputusan oleh Pemerintah. Partisipasi politik bertujuan untuk turut mempengaruhi keputusan publik. Dimensi partisipasi politik ini terdiri daripada tiga sub dimensi, iaitu; partisipasi politik tradisional, partisipasi politik moden, dan partisipasi politik sivik. Partisipasi tradisional berorientasi kepada ikut mengundi dan terlibat alam proses pemerintahan. Partisipasi politik moden berhubungkait dengan aktiviti langsung seperti tunjuk perasaan, berkomunikasi langsung dengan elit parti politik dan pemerintah melalui media internet. Manakala partisipasi politik sivik berhubungkait dengan keterlibatan generasi muda dalam aktiviti sosial dan sukarela melalui organisasi non pemerintah (NGO). Hal ini sejalan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Hibbig dan Morse, (2002); Macedo et al. (2005); Putnam, (2000); Rosenstone dan Hansen, (1993); Wattenberg, 2006) tentang perubahan partisipasi politik warga.

KAEDAH KAJIAN

Seramai 384 responden iaitu yang berumur antara 17 hingga 40 tahun telah ditemu

bual disekitar Pusat Kota Padang (Kecamatan Padang Barat dan Kecamatan Padang Utara), Pinggir Kota (Kecamatan Lubuk Kilangan dan Kecamatan Pauh). Pengumpulan data bagi kaedah ini dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik. Untuk memudahkan pembahagian soal selidik, penyelidik melibatkan 6 (enam) orang sebagai enumerator.

Mengikut masalah tren perubahan keterlibatan warga muda dalam penggunaan media, perubahan norma kewarganegaraan dan partisipasi politik menjadi suatu isu penting dalam proses transisi ke demokrasi, maka pemilihan sampel adalah dalam kalangan mereka yang sudah memiliki hak konstitusi untuk ikut mengundi dalam pilihan raya umum, iaitu mereka berumur antara 17 hingga 40 tahun. Responden yang telah bekerja juga penting memandangkan kebanyakan mereka berada dalam suatu kumpulan dan berinteraksi dari pelbagai golongan. Manakala responden pelajar dan mahasiswa cenderung mengalami perubahan seperti dalam penggunaan media, nilai-nilai politik, dan pola partisipasi politik. Manakala golongan yang berumur antara 17 hingga 21 tahun, golongan ini baru pertama kali ikut mengundi, dan responden yang berumur antara 22 tahun hingga 40 tahun telah pernah ikut mengundi dalam pilihan raya umum.

Pembolehkan utama yang digunakan dalam kajian ini adalah media, perubahan norma kewarganegaraan dan partisipasi politik. Media terdiri dari tiga sub dimensi: kepemilikan media, penggunaan media, dan orientasi media. Norma kewarganegaraan mempunyai tiga sube dimensi: norma tanggungjawab kewarganegaraan, norma keterlibatan kewarganegaraan, dan norma pematuhan kewarganegaraan. Manakala partisipasi politik mempunyai tiga sub dimensi pula: partisipasi politik tradisional, partisipasi politik moden, dan partisipasi politik sivik.

Untuk memperoleh data yang sistematik skor telah diberikan bagi setiap jawapan kepada soalan untuk mengukur pemboleh ubah. Beberapa pemboleh ubah telah dibentuk untuk menjawab persoalan burhubung permasalahan kajian.

Penggunaan media bermaksud untuk mengetahui jumlah masa yang digunakan oleh generasi muda untuk membaca surat kabar menonton televisyen dan melayari internet dalam satu minggu dengan nilai kepercayaan alfa Cronbach's 0.90. Sedangkan orientasi media bermaksud untuk mengetahui apakah jenis atau tema berita/informasi dalam surat kabar, program televisyen, dan maklumat internet yang diberikan perhatian oleh generasi muda? Untuk orientasi berita surat kabar mempunyai 11 soalan dengan nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.84. Orientasi menonton televisyen mempunyai 11 soalan dengan alpha Cronbach's 0.80. Manakala orientasi melayari internet ada 11 soalan dengan nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.86. Dalam hal orientasi penggunaan sosial 4 soalan dengan nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.75.

Untuk mengetahui perubahan norma tanggungjawab kewarganegaraan, responden diminta untuk menjawab lapan soalan berhubungkait dengan pilihan raya, aktiviti hukum dan moral. Lapan soalan mempunyai nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.88. Norma keterlibatan kewarganegaraan mempunyai lapan soalan

yang berhubungkait dengan aktiviti politik di media massa, sosial, keagamaan dan isu alam sekitar. soalan-soalan ini mempunyai dengan nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.88. Sedangkan Norma pematuhan kewaranegearaan terdiri dari lima soalan dengan nilai kepercayaan alpha Cronbach's 0.84. Lima soalan ini berhubungkait dengan faktor-faktor luaran.

Untuk mengetahui partisipasi politik tradisional, responden diminta untuk menjawab tujuh soalan yang berhubungait dengan kempen. Tujuh soalan ini mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach's alpha adalah 0.89.

Partisipasi politik moden, responden diminta untuk menjawab lima belas soalan yang berhubungait dengan partisipasi dalam media on-line seperti berkirim emel kepada pimpinan parti politik, kandidat, dan membat komentar dalam blok oribadi. Sedangkan partisipasi politik off-line, seperti menandatangani petisi, tunjuk perasaan, diskusi terbatas dengan tokoh masyarakat. Lima belas soalan ini mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach's alpha adalah 0.91.

Partisipasi politik sivik, responden diminta untuk menjawab sembilan soalan yang berhubungait dengan aktiviti pelayanan masyasrakat seperti terlibat dalam aktiviti sosial, alam sekitar, haka asasi manusia, organisasi keagamaan. Sembilan soalan ini mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach's alpha adalah 0.87.

HASIL KAJIAN

Ujung abad ke-20 ditandai dengan perubahan peta politik dan komunikasi politik. Seiring dengan pelbagai perubahan itu, juga wujud perubahan dalam pola penggunaan media, norma kewarganegaraan dan pola partisipasi politik dalam kalangan generasi muda. Untuk data penggunaan media dan pendidikan, diasumsikan bahawa semakin tinggi tingkat pendidikan semakin cenderung melayari internet daripada media media massa lainnya. Data pada jadual 1 menunjukkan analisis varian satu hala (ANOVA) terhadap perbezaan pendidikan dalam penggunaan media. Untuk melayari internet, responden yang kerap melayarinya adalah yang berpendidikan berpendidikan tinggi ($M=3.34$), diikuti oleh responden yang berpendidikan menengah ($M=3.18$) dan responden yang berpendidikan dasar ($M=2.90$). Data ini menunjukkan responden yang berpendidikan lebih tinggi cenderung lebih kerap melayari internet daripada responden yang berpendidikan rendah. Namun dalam membaca surat kabar, responden yang berpendidikan dasar lebih kerap ($M=2.00$) daripada responden yang berpendidikan tinggi ($M=1.98$) dan Menengah ($M=1.56$). Data ini menunjukkan bahawa sekarang sdah terjadi perubahan pola penggunaan media dalam kalangan generasi muda.

Jadual 1: Penggunaan media berdasarkan latarbelakang pendidikan

Latarbelakang Pendidikan	Membaca Surat Kabar	Menonton Televisyen	Melayari Internet
--------------------------	---------------------	---------------------	-------------------

Dasar	2.00	2.49	2.90
Menengah	1.56	3.12	3.18
Tinggi	1.98	3.04	3.34
F	7.56	6.07	2.43
Sig.	0.00	0.00	0.09

Analisis selanjutnya untuk melihat sejauhmana penggunaan penggunaan media mempengaruhi perubahan norma kewarganegaraan. Berdasarkan analisis Perason Correlation, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2, bahawa kekerapan menonton televisyen mempunyai hubungan yang signifikan dengan perubahan norma tanggungjawab kewarganegaraan ($r=.25$) dan perubahan norma keterlibatan kewarganegaraan ($r=.14$). Kekerapan melayari internet hanya mempunyai hubungan yang signifikan dengan norma taggungjawab kewarganegaraan ($r=.17$). Manakala kekerapan membaca surat kabar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan semua sub dimensi norma tanggungjawab kewarganegaraan ($r=.09$), norma keterlibatan kewarganegaraan ($r=.07$) dan norma pematuhan kewarganegaraan ($r=-.01$).

Jadual 2 Terdapat hubungan signifikan antara membaca, menonton televisyen dan melayari Internetdenga sub-dimensi norma kewarganegaraan (norma tanggungjawab kewarganegaraan, norma keterlibatan kewarganegaraan dan norma pematuhan kewarganegaraan)

Pearson Correlation	Tanggungjawab kewarganegaraan	Keterlibatan kewarganegaraan	Pematuhan kewarganegaraan
Membaca Surat Kabar	.09	.07	-.01
R2 Adjusted	.01	.01	.00
Sig.	.08	.18	.93
Menonton Televisyen	.25	.14	-.04
R2 Adjusted	.05	.02	.00
Sig.	.00	.01	.48
Melayari internet	.17	.05	-.12
R2 Adjusted	.02	.00	.00
Sig.	.00	.29	.63

$p < 0.05$

Kemudian analisis Pearson Correlation data pada jadual 3 menunjukkan hubungan antara perubahan norma kewarganegaraan dengan partisipasi politik. Data ini menunjukkan bahawa perubahan norma pematuhan kewarganegaraan berkorelasi positif dengan partisipasi politik tradisional ($r=.50$), partisipasi politik moden ($r=.43$), dan dengan partisipasi politik sivik ($r=.22$). Kemudian

perubahan norma tanggungjawab kewarganegaraan juga mempunyai hubungan signifikan dengan partisipasi politik tradisional ($r=.13$), partisipasi politik moden ($r=.11$), dan dengan partisipasi politik sivik ($r=.14$). Sedangkan perubahan norma keterlibatan kewarganegaraan hanya mempunyai yang signifikan dengan partisipasi tradisional ($r=.14$) dan partisipasi politik sivik ($r=.25$) dan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan partisipasi politik moden ($r=.09$).

Jadual 3 Hubungan antara sub-dimensi norma kewarganegaraan dengan sub dimensi partisipasi politik (Partisipasi Politik Tradisional, Partisipasi Politik Moden, dan Partisipasi Politik Sivik)

Norma Kewarganegaraan	Politik tradisional	Politik moden	Politik sivik
Pematuhan kewarganegaraan	.50	.43	.22
R2 Adjusted	.25	.19	.05
Sig.	.00	.00	.00
Tanggungjawab kewarganegaraan	.13	.11	.14
R2 Adjusted	.02	.01	.02
Sig.	.01	.03	.01
Keterlibatan kewarganegaraan	.14	.09	.25
R2 Adjusted	.02	.00	.06
Sig.	.01	.10	.00

$p < 0.05$

Selanjutnya untuk mencari tahu sumbangan pemboleh ubah bebas penggunaan media dan norma kewarganegaraan terhadap pemboleh ubah bersandar partisipasi politik digunakan analisis regresi. Data pada jadual 4 menunjukkan bahawa hipotesis ini mengandaikan bahawa faktor penggunaan media dan norma kewarganegaraan mempunyai pengaruh ke atas partisipasi politik. Ujian regresi pelbagai digunakan untuk melihat sejauhmana pemboleh ubah bebas penggunaan media dan norma kewarganegaraan menyumbang kepada partisipasi politik.

Hasil ujian regresi pelbagai menunjukkan bahawa pembolehubah penggunaan media dan norma kewarganegaraan secara bersama-sama menyumbangkan sebanyak 14 peratus varian dalam mempengaruhi partisipasi politik ($F=31.31$; $p<0.05$; R^2 adujsted =.14). Maknanya pembolehubah penggunaan media dan norma kearganegaraan secara bersama-sama berpengaruh ke atas perubahan partisipasi politik.

Jadual 4 Uji Regresi penggunaan media dan norma kewarganegaraan dengan partisipasi politik

Faktor	R2 Adjusted	R2 Perubahan	Beta	Nilai t	Sig.
Penggunaan media	.01	.00	.01	.24	.81
Norma kewarganegaraan	.14	.13	.37	7.83	.00

Hasil ujian regresi menunjukkan bahawa peningkatan dalam setiap unit penggunaan media akan menyumbang sebanyak .01 unit peningkatan dalam partisipasi politik ($\square=.01$ $p<0.05$). Sementara itu, peningkatan dalam setiap unit pemboleh ubah norma kewarganegaraan ($\square=.37$ $p<0.05$) menyumbangkan kepada .37 kenaikan dalam partisipasi politik.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan media tidak memainkan peranan penting untuk meningkatkan partisipasi politik generasi muda dalam era transisi ke demokrasi. Hasil kajian ini menolak andaian bahawa penggunaan media memakinkan peranan penting dalam meningkatkan partisipasi politik generasi muda. Sedangkan pemboleh ubah bebas norma kewarganegaraan memainkan peranan penting untuk meningkatkan partisipasi politik generasi muda dalam era transisi ke demokrasi. Oleh itu, para elit politik, Komisi Pemilihan Umum (KPU) dan pemerintah perlu mengambil kira atas perubahan norma kewarganegaraan yang berlaku dalam kalangan generasi muda.

KESIMPULAN

Media, norma kewarganegaraan, dan partisipasi politik adalah tiga isu penting dalam negara demokrasi. Ketiga-tiga isu ini telah menarik minat pakar untuk memperbincangkan dan penyelidikan. Seiring dengan perubahan politik dan peta komunikasi politik yang wujud di penghujung abad ke 20, berlaku pula perubahan pola penggunaan media, dari media massa (surat kabar, radio dan televisyen) kepada media baru (internet). Di samping itu, wujud perubahan norma kewarganegaraan dari norma tanggungjawab kewarganegaraan kepada norma baru iaitu norma keterlibatan kewarganegaraan dan norma pematuhan kewarganegaraan.

Perubahan-perubahan tersebut berimpak kepada perubahan pola partisipasi politik generasi muda dalam era transisi ke demokrasi di Indonesia. Perubahan pola partisipasi tradisional tersebut berubah dari partisipasi politik tradisional seperti aktiviti kempen kepada partisipasi politik moden seperti aktiviti politik dengan menggunakan internet dan aktiviti politik langsung seperti menandatangani petisi, tunjuk perasaan dan aktif dalam pelbagai aktiviti sukarela.

Perubahan pola penggunaan media, norma kewarganegaraan dan partisipasi politik generasi muda ini berimplikasi terhadap strategi politik Indonesia. Pemerintah dan Komisi Pemilihan Umum (KPU) perlu memperbaiki pola pembinaan politik generasi muda. Bagi parti politik mesti membuat strategi

pembinaan kader yang relevan dengan tren perubahan yang wujud dalam kalangan generasi muda. Generasi muda tidak berminat untuk menjadi anggota parti politik, tetapi mereka akan menyokong parti politik yang mempunyai agenda yang relevan seperti isu alam sekitar, hak asasi manusia, perdagangan manusia dan isu-isu terkini lainnya.

BIODATA PENULIS

Najmuddin Rasul adalah pensyarah senior di Universitas Andalas, Padang, Indonesia.

Samsudin A. Rahim adalah professor di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

RUJUKAN

- Almod, G & Verba, S. (1963). *The civic culture: political attitudes and democracy in the five nations*. Princeton. Princetone University Press.
- Bakker Tom P. Dan Claes H. De Vreese (2011). Good news for the future? Young people, internet use, and political participation: *Communication Research* 38(4) 451–470: Sage Publication.
- Barnes, Samuel H. and Kaase, Max. (1979). *Political action: mass participation in five western democracies*. London: Sage publications.
- Bimber, B. (2005). Reconceptualizing collective action in the contemporary media environment', *Communication Theory*, 15(4), 365-388.
- Bimber, B., Flanagin, A. & Stohl, C. (2005). 'reconceptualizing collective action in the contemporary media environment', *Communication Theory*, 15(4), 365-388.
- Blummer Dan Kavanagh (1999). The Third Age Of Political Communication Influences And Features'. *Political Communication* 16(3): 209-30.
- Cook (1998). *Public policy and political economy professional issues*. American behavioral scientist. Sage Publishing.
- Curran, J. 1991. Mass Media And Democracy. A Reappraisal, In Curran And M. Gurevitch (Eds) *Mass Media And Society*. London: Arnold, 82-117.
- Dahlgren, P. (2005). *Young citizens and political participation: on line media and civic cultures*. New York: Columbia University Press.
- Dalton, R. (2008). Citizenship norms and political participation in America: the good news is ... the bad news is wrong. CDACS Occasional Paper 2006-1.
- Dean, D. (2012). *Digital media trends for 2012*. PORTADA Publishing.
- Dionne, E. J. 1991. *Why Americans Hate Politics*. New York: Simon & Schuster.
- Doorenspleet, R. (2006). Democratic transition: *exploring the structural sources of the fourth wave*. Boulder: Lynne Rienner Publisher.
- Downing, J.D.H. (1996). *Internationalizing media theory, power, culture, reflection on media in russia, poland and hungary, 1980-1995*. London: Sage Publication.
- Eveland dan Scheufele (2000). Communication and civic participation: A proposed research agenda. In J. Harper & T. Yantek (Eds.), Symposium on democracy: *Media, profits, and politics* (pp. 77-90). Kent, OH: Kent State University Press.
- Farrell, D. Dan Webb, P. 2008. 'Political parties as campaign organization', in Dalton and Wattenberg (eds): *Parties Without Partisans: Political Change In Advance Industrial Democracies*, Pp. 103-25. Oxford: Oxford University Press.
- Fukuyama (1992). *The end of history*. New York: Free Press.
- Helander, S. (2012). *Political participation*. London: Sage Publication.
- Hindman, (2009). Hindman, K.Y. 2009. *Cable TV and Internet Deals*.

SPECTRUM Publishing.

- Hoikkala, T. (2009). The diversity of youth citizenships in the European Union, *Young*. Vol. 17(1):5-24
- Huntington, S. Dan Nelson, M. (2010). *Political participation and democracy*. Rajawali Perss, Jakarta.
- Inglehart dan Welzel, (2005) *Modernization, Cultural Change, And Democracy: The Human Development Sequence*: Cambridge; Cambridge University Perss.
- Jacobsen, R. dan Linkow, T.W., (2012). The engaged citizen index: examining the racial and ethnic civic and political engagement gaps of young adults. *Circle Working Paper*.
- Jeffres, Lee, Neuendorf dan Atkin (2007). Communication technology and social change. *Newspaper Research Journal*. Vol. 28.
- Lawson Dan Merkle (1998). *Politics As Usual: The Cyberspace 'Revolution'*. London: Sage.
- Lilleker, D.G. (2006). *Key Concepts In Political Communication*. London: Sage Publications.
- Mann, M. (2004). *The dark side of democracy: explaining ethnic cleansing*. Cambridge: University Press.
- Marshall, T. (1992). *Citizenship and social class*. Bottomore, London: Pluto Press.
- McLuhan (2011). *Transforming: cultural. Critical, and postmodern perspective*. New York: Peter Lang Publishing, Inc.
- McNair, B. (2011). Media, communication and democracy: global and national environments. Conference in Melbourne (31 August 1-2 September 2011).
- McQuail (2000). *The internet on political participation*. Jakarta: Rajawali Press.
- Morse, T.E. Dan Hibbing, J.R. (2005). Citizenship And Civic. *Political Communication*. 25; 345-365.
- Norris, P. (2003). *Democratic phoenix: Reinventing political activism*. New York: Cambridge University Press.
- Putnam, (2000). Bowling Alone: America's Declining Social Capital. *Journal Of Democracy*, 1, 65-78.
- Quientlier, E. & Vissers S. (2008). The effect of internet use on political participation. *Social Science Computer Review*. Volume 26(4).
- Scheufele, D. A., & Nisbet, M. C. 2002. Being a citizen online: new opportunities and dead ends. *Harvard International Journal Of Press/ Politics*, 7(3), 55-75.
- Shah, D.V et al. (2005). The Role of Recreational Media Use in Youth Socialization: Extending the Citizen Communication Mediation Model. *Online Journal of Communication and Media Technologies*. Volume: 4.
- Shah, McLeod, and Yoon (2001). The Role of Recreational Media Use in

Youth Socialization: Extending the Citizen Communication Mediation Model. *Online Journal of Communication and Media Technologies*. Volume: 4.

- Sylvester D.E. Mcglynn Adam J. (2010). The Digital Divide, Political Participation, And Place. *Social Science Computer Review* February 2010 Vol. 28 No. 1 64-74
- Tabroni, R. (2012). *Komunikasi Politik Pada Era Mutlimedia*, Bandung: Simbiosis Rekatama Media. Hlm. 78
- Theocharis, Y. (2011). Young people, political participation and online postmaterialism in Greece, *New media and society*.
- Tolbert, C. J., & Mcneal, R. S. (2003). Unraveling the effects of the internet on political participation? *Political Research Quarterly*, 56(2), 175-185.
- Vacari, C.(2008). From the air to the ground: the internet in the 2004 US presidential campaign. *New Media Society*, 10(4), 647-665.
- Verba, S., & Nie, N. (1972). *Participation In America: Political Democracy And Social Equality*. New York: Harper & Row.
- Voltmer, K. (2008). *Mass media and political communication in new democracies*. London: Routledge.
- Weaver dan Drew (2001). *Voter Learning in the 2004 Presidential Election: Did the Media Matter? Journalism & Mass Communication Quarterly*. Vol. 83(1), pp. 25-42.
- Xenos, M. dan Moy, P. (2007). Digital Media And Traditional Political Participation, *Journal of Social Issues*, 58, 49-74.
- Zamudio (2004). *Citizenship identity and social inequality*. London: Sage Publications Ltd.
- Zmerli, Sonja. (2009). *Social capital and norms of citizenship: an ambiguous relationship*. London: Sage Publication.